



TUGASAN PROJEK

| | | | |
|---------------------|--|--------------|-------|
| PROGRAM | DPLI LPBS SR j-QAF | NAMA PELAJAR | |
| KOD DAN NAMA KURSUS | PIP2203M PENGENALAN KURIKULUM & PEDAGOGI PENDIDIKAN ISLAM | SEMESTER | KEDUA |

| | | | |
|-------------|-------------|---------------|--------------|
| Tarikh mula | 4 OGOS 2013 | Tarikh hantar | 26 SEPT 2013 |
|-------------|-------------|---------------|--------------|

Hasil Pembelajaran Kursus

1. Menghuraikan Falsafah Pendidikan Islam menurut al-Quran, al-sunnah dan al-Ghazali , falsafah Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia , sejarah Pendidikan Islam serta hala tuju dan cabaran Pendidikan Islam di Malaysia dan Asia Tenggara
2. Menganalisis Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR, Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam KSSR, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran
3. Menjelaskan konsep strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang berkaitan dengan Pendidikan Islam
4. Membina rancangan pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran mikro dan makro Pendidikan Islam sekolah rendah mengikut prinsip dan panduan yang betul
5. Menganalisis konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan penilaian PAFA dalam Pendidikan Islam.

Kerja kursus ini melibatkan Hasil Pembelajaran 1, 2 dan 3 sahaja.

Objektif Projek:

Pelajar dapat melaksanakan tugas-tugas berikut:

1. Menghasilkan sumber rujukan digital berasaskan sebuah esei tentang peranan Guru Pendidikan Islam untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Menghasilkan sebuah esei tentang usaha-usaha untuk menjayakan pencapaian matlamat yang terdapat dalam model-model j-QAF melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
3. Menghasilkan satu penulisan refleksi yang bermakna berkaitan tugas.

Tugasan Projek (100%)

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran telah menetapkan gagasan **Falsafah Pendidikan Islam** yang kukuh sebagai asas tindakan dan **peranan yang wajar dimainkan oleh Guru Pendidikan Islam** bagi mencapai hasrat negara menjelang tahun 2020. Manakala Guru Pendidikan Islam yang dikhususkan menangani keciciran murid-murid dalam beberapa aspek Pendidikan Islam pula bertanggungjawab mengaplikasi **pendekatan-pendekatan pengajaran dan pembelajaran** yang telah dibina dengan kukuh bagi menjayakan **model-model j-QAF** yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Soalan Tugasan

- A. **Secara berkumpulan** anda dikehendaki menghasilkan sumber rujukan digital berasaskan sebuah esei tentang peranan Guru Pendidikan Islam untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. (40%)
- B. **Secara berkumpulan** juga, anda dikehendaki menghasilkan sebuah esei tentang usaha-usaha untuk menjayakan pencapaian matlamat yang terdapat dalam model-model j-QAF melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. (40%)
- C. **Secara individu** pula, anda dikehendaki merumuskan refleksi yang bermakna untuk menganalisis pengalaman yang dilalui dan pengetahuan baru yang dicapai sepanjang menghasilkan tugas ini. (20%)

Panduan Pelaksanaan Projek

Arahan Am:

1. Tugas ini hendaklah disediakan secara **kumpulan (sumber rujukan digital dan esei) dan individu (refleksi)**.
2. Bagi tugas A:
 - a. Disempurnakan secara berkumpulan (tidak lebih daripada empat orang).
 - b. Disediakan dalam format softcopy dan dihantar dalam bentuk cakera padat.
 - c. Disempurnakan dalam bentuk esei format *microsoft word* yang panjangnya antara lima ke tujuh halaman sahaja. Setiap isi penting dalam esei ini hendaklah dihubung terus (*hyperlink*) kepada sumber rujukannya yang diletakan dalam folder khas. Semua rujukan dari internet yang berupa dokumen, hendaklah dimuat turun terlebih dahulu.
 - d. Kemahiran anda mengaplikasi kemahiran TMK akan diambil kira sebagai salah satu elemen penilaian bagi tugas ini.
3. Bagi tugas B:
 - a. Disempurnakan secara berkumpulan berasaskan kumpulan dalam tugas A.
 - b. Disempurnakan dalam bentuk *hardcopy*.
 - c. Anda dikehendaki menyediakan tugas ini dalam bentuk penulisan **esei** yang panjangnya tujuh hingga sepuluh halaman.
 - d. Rujukan tidak termasuk dalam pengiraan jumlah perkataan.
4. Bagi tugas C:
 - a. Anda dikehendaki membuat satu penulisan refleksi yang bermakna.
 - b. Penulisan refleksi anda perlu merangkumi analisis kekuatan, kekurangan, sebab, akibat dan usaha-usaha penambahbaikan
 - c. Penulisan refleksi ini hendaklah berasaskan pengalaman anda semasa melakukan tugas ini (proses temubual, mencari maklumat dan lain-lain) serta masalah yang hadapi semasa menjalankan tugas dan bagaimana mengatasinya.
 - d. Huraikan bagaimana pengalaman anda dalam menjalankan tugas ini mampu meningkatkan kefahaman anda tentang perkembangan kognitif individu.

- e. Panjang penulisan refleksi **tidak melebihi tiga muka surat**.
 - f. Tugas ini hendaklah disediakan dalam bentuk esei dan dihantar dalam bentuk *hardcopy* yang dikepil bersama tugas A dan B.
5. Rujukan mesti mengikut **format APA** sepenuhnya.
 6. Tugas ini perlu diserahkan kepada **pensyarah/tutor yang mengajar kelas masing-masing**.
 7. Format tugas mestilah menggunakan font **Arial bersaiz 11** dengan **langkauan 1.5**.
 8. Amalan plagiat adalah dilarang sama sekali.
 9. Tugas ini membawa markah 100% dengan wajaran juga 100%.
 10. **Warna kulit** tugas diselaraskan dengan tugas kursus-kursus lain bagi kumpulan DPLI.
 11. Penulisan tugas hendaklah meliputi piawai-piawai berikut:
 1. Kulit hadapan mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. Nama institut dan logo.
 - b. Tajuk Tugas.
 - c. Kod dan mata pelajaran.
 - d. Nama pelajar dengan nombor kad pengenalan berserta gambar pelajar.
 - e. Nama pensyarah pembimbing dan jabatan.
 - f. Tarikh serahan (Kosongkan dan ditulis tangan oleh pensyarah ketika serahan)
 2. Rujukan.
 3. Lampiran (Jika sangat perlu untuk menyokong ulasan dalam tugas).

Tugas yang baik sewajarnya menunjukkan kriteria-kriteria berikut:

Kriteria umum:

1. Kandungan

- Menunjukkan pengetahuan yang sangat luas, menyeluruh dan terkini.
- Liputan yang menyeluruh, konsisten dan terperinci.

2. Organisasi

- Organisasi maklumat yang cemerlang.
- Struktur yang sangat jelas dengan mengaitkan setiap bahagian dengan bahagian yang lain secara logik.
- Pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cemerlang.

3. Bahasa

- Sangat lancar. Penggunaan perbendaharaan kata yang pelbagai, luas dan bersesuaian.
- Struktur ayat betul dengan gaya bahasa yang menarik dan menepati isi yang hendak disampaikan.
- Ejaan betul.
- Sebutan jelas dan betul.

4. Kemahiran merujuk

- Rujukan yang relevan dan menunjukkan bacaan yang sangat luas daripada pelbagai sumber.
- Hasil penulisan menjurus dan menepati *Publication Manual of the American Psychological Association (APA)* serta konvensyen penulisan akademik.
- Hasil disertakan dengan bahan sokongan yang amat sesuai.

Kriteria khusus:

1. Kemahiran TMK (Tugas A):

- Sangat mahir menggunakan perisian komputer yang berkaitan.
- Sangat mahir mengaplikasi teknik hiperlink antara teks induk dengan bahan-bahan rujukan yang terdapat dalam folder yang berasingan.
- Bahan-bahan rujukan digital terdapat dalam pelbagai format seperti audio, visual, dokumen dan gambar.
- Persembahan digital sangat mesra pengguna.

2. Perbincangan kritikal dan reflektif (Tugasan B)

- Pemahaman konseptual diaplikasikan dengan sangat berkesan.
- Hujah disokong dengan bukti yang kukuh dan tepat serta menunjukkan keupayaan membincangkan penyelidikan terkini yang berkaitan.
- Perbincangan yang amat jelas dan kritikal serta mempunyai keupayaan menganalisis dan mensintesis beserta kesimpulan yang menyeluruh.
- Dapat mencungkil pemikiran pembaca dengan berkesan.

3. Pemikiran kritis dan analitik (Tugasan C)

- Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dan kelemahan diri dengan amat jelas.
- Dapat menghubungkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang diambil
- Dapat mengaitkan sebab dan akibat untuk membuat inferens.
- Dapat meramal kesan sesuatu tindakan dan bertindak berlandaskan bukti, seterusnya merancang langkah susulan dengan mengambilkira unsur KMD

Disediakan oleh:

USTAZ MD ZUKI BIN HASHIM

Penyelaras

Kursus Pengenalan Kurikulum & Pedagogi Pendidikan Islam (PIP2203M)

Jabatan Pendidikan Islam & Moral

IPGK Sultan Abdul Halim.

Disemak oleh:

USTAZ MD ZUKI BIN HASHIM

Pakar Bidang (SME) Pendidikan Islam

Jabatan Pendidikan Islam & Moral

IPGK Sultan Abdul Halim.

Disahkan oleh:

HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD RAHMAN

Ketua Jabatan,

Jabatan Pendidikan Islam & Moral

IPGK Sultan Abdul Halim.